

TARIKH	RABU, 24 DISEMBER 2025
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	CUEPACS GESA PENILAIAN PRESTASI PERLU ADIL
M/S	9
BIDANG	CIVIL SERVICE, MANAGEMENT
KATA KUNCI	

CUEPACS gesa penilaian prestasi perlu adil

Kuala Lumpur: CUEPACS menegaskan, penilaian prestasi ke atas penjawat awam, susulan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Fasa 2 perlu dilaksanakan secara adil, berintegriti dan menyeluruh, khususnya membabitkan pegawai yang sudah lama berkhidmat dan berpengalaman.

Menyambut baik usaha penambahbaikan dalam sistem perkhidmatan awam itu, Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat, berkata pegawai berpengalaman yang mencurahkan khidmat bakti bertahun-tahun adalah aset penting kepada perkhidmatan awam.

Justeru, katanya, sumbangan golongan itu bukan sahaja diukur melalui hasil kerja semasa, malah turut merangkumi pengalaman, kepakaran, komitmen, kestabilan organisasi dan peranan membimbing pegawai baharu.

"Semua aspek ini wajar diambil kira secara seimbang dalam proses penilaian.

"Pegawai penilai memikul amanah dan tanggungjawab besar untuk melaksanakan peni-

Kualiti perkhidmatan penentu ganjaran SSPA Fasa 2



Keratan akhbar BH, semalam.

ilaian prestasi secara objektif, telus dan bebas daripada sebarang unsur pilih kasih.

"Penilaian hendaklah dibuat berdasarkan merit sebenar, prestasi keseluruhan, sikap profesional, pengalaman dan sumbangan berterusan kepada organisasi serta perkhidmatan awam," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, memaklumkan penjawat awam kini perlu beralih ke arah budaya kerja lebih dinamik susulan pelaksanaan SSPA Fasa 2, yang meletakkan pencapaian keberhasilan sebagai kayu ukur utama bagi pemberian ganjaran dan pengiktirafan.



Pelaksanaan SSPA Fasa 2 letakkan pencapaian keberhasilan sebagai kayu ukur utama bagi pemberian ganjaran dan pengiktirafan kepada penjawat awam.

Wan Ahmad Dahlan berkata, kriteria penilaian di bawah fasa baharu itu akan memberi keutamaan tinggi kepada kualiti perkhidmatan, kepantasan proses serta elemen inovasi dalam tugas harian, dan tidak lagi sekadar bergantung pada elemen kehadiran bertugas atau tempoh kekananan (senioriti) semata-mata.

Pelaksanaan SSPA Fasa 2 yang sudah bermula secara berfasa,

akan memperkukuh sistem penyampaian awam, selari matlamat Kerajaan MADANI dalam menambah baik sistem ganjaran pegawai awam, beralih daripada orientasi skim dan prosedur kepada ganjaran berpaksikan nilai, prestasi serta tanggungjawab.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, sistem penilaian adil dan menyeluruh akan meningkatkan keyakinan penjawat awam, memupuk motivasi kerja yang sihat

serta memastikan keadilan kepada semua lapisan pegawai tanpa mengira tempoh perkhidmatan.

"CUEPACS akan terus memantau pelaksanaan sistem penilaian prestasi ini supaya ia benar-benar memberikan keadilan, menghargai sumbangan pegawai lama serta menyokong usaha memperkasakan perkhidmatan awam demi kepentingan negara dan rakyat," katanya.

DISEDIAKAN OLEH

**1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S12), BPM
2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM**